

29 APR 2001

Mahathir-Rumah

SETINGGAN DIMINTA TIDAK LETAKKAN PELBAGAI SYARAT UNTUK PINDAH

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta penduduk setinggan supaya tidak mengenakan pelbagai syarat apabila kerajaan mahukan mereka berpindah daripada kawasan setinggan yang diduduki.

Beliau meminta kerjasama golongan itu supaya matlamat kerajaan menjadikan negara ini bebas daripada kawasan setinggan, tercapai.

"Ada yang meminta pampasan terlalu tinggi apabila diminta berpindah dari kawasan setinggan walaupun kawasan itu diduduki secara haram. Tapi bila ditawarkan rumah, mereka nak beli dengan harga murah," katanya ketika menyerahkan anak kunci secara simbolik kepada 20 pembeli perintis rumah mampu milik di Damansara Damai di sini, hari ini.

Kalau setinggan memberi kerjasama, mereka akan dapat memiliki rumah kos rendah dan sederhana seperti di Damansara Damai yang lengkap dengan pelbagai kemudahan.

Menurut beliau, matlamat kerajaan ialah untuk menjadikan negara ini sebagai negara menarik dan penduduknya dapat hidup dengan sempurna.

Damansara Damai merupakan projek perumahan mampu milik yang dibangunkan oleh Medan Prestasi Sdn Bhd, anak syarikat MK Land Holdings Bhd.

Projek di kawasan seluas 160 hektar (400 ekar) itu berkonsepkan kediaman dalam taman dan sebanyak 6,112 buah apartmen telah disasarkan untuk disiapkan dan diserahkan pada pertengahan tahun 2001.

Dr Mahathir turut mengingatkan penduduk setinggan supaya tidak terpengaruh dengan parti pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) yang selalu menghasut penduduk supaya tidak berpindah dari kawasan setinggan.

"Selalunya, hanya 75 peratus atau 80 peratus penduduk setinggan yang setuju berpindah dan bakinya enggan pindah kerana dihasut supaya tidak pindah dan buat tuntutan lebih."

"Saya nak cabar semua pembangkang dan NGO ini supaya mereka dirikan rumah untuk setinggan dan buktikan mereka juga ingin bantu rakyat miskin. Jangan pandai cakap aje," kata Perdana Menteri.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata jika pembangkang dan NGO boleh menyediakan rumah murah dan kalau mereka juga boleh membayar pampasan, mereka dijemput menyediakan projek perumahan bagi golongan miskin.

"Saya nak suruh pembangkang buat sesuatu untuk kebaikan setinggan ...nak hasut pandailah nak buat satu apa pun tak boleh. Cakap, pandailah. Kalau negara ini tak ada penghasut macam ni, kemajuan negara kita akan jauh lebih pesat berbanding sekarang," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak boleh membayar pampasan lebih hanya kerana ingin menurut permintaan segelintir penduduk setinggan yang enggan pindah.

"Bagaimana kita boleh membayar lebih sedangkan kita telah membayar kurang kepada yang lain...Ini kerja parti pembangkang...Saya kata ini dengan terbuka. Dia bukan ada kerja lain...nak cari populariti macam itu," katanya.

Dr Mahathir turut sedih dengan keadaan di Kampung Baru di ibu kota yang kini di kelilingi oleh pembangunan pesat.

"Yang saya sedih sekali ialah dengan Kampung Baru. Sampai bila dia nak duduk macam tu di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur ni. Kita nak ambil tanah, dia (penduduk) minta harga tinggi," katanya.

"Kalau harga yang tinggi, kita nak buat Kampung Baru tu untuk orang Melayu...orang Melayu tak mampu nak beli. Kalau dia nak harga yang sama dengan tanah di sekeliling, harganya tetap akan tinggi sampai RM1,000 sekaki persegi. Kalau nak buat bangunan di situ untuk mereka balik ke situ, saya fikir mereka tak mampu. Jadi, kena "munasabahlah sikit," katanya.

Beliau berkata kerajaan mahu membangunkan Kampung Baru supaya keadaan di penempatan itu tidak membawa gambaran yang orang Melayu tinggal di tengah-tengah bandar dalam keadaan begitu daif sekali sampai ke tahap setingan.

Dalam ucapannya sebelum itu, beliau menasihati pemilik rumah di kawasan itu supaya tidak menjual rumah mereka kerana rumah itu merupakan pelaburan masa depan.

Beliau juga meminta penghuni kawasan itu supaya menjaga kebersihan kawasan dan menggunakan kemudahan yang disediakan sebaik mungkin.

-- BERNAMA

NZ SHS NZ PR